

# K · A · P · S · U · L P E N G G U N A



EDISI 1 JULAI & OGOS 2021 | DITERBITKAN 30 OGOS 2021 | [HTTPS://WWW.FLIPBOOKPDF.NET/WEB/SITE](https://www.flipbookpdf.net/web/site)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

Selamat Hari

**KEBANGSAAN  
2021**

**31 OGOS 2021**



*Ucapan Ikhlas Daripada*

Kepimpinan dan seluruh warga kerja  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna.



Berbelanjalah !!!



Ngopi, ngeteh  
bersama teman



Shopping bersama  
keluarga



Melancong dalam  
negeri



Makan-makan  
bersama keluarga





## ENAM (6) PUSAT RIVAC MULA BEROPERASI MINGGU INI DAN DIPERLUASKAN KE BEBERAPA NEGERI BERMULA BULAN OGOS

**KUALA LUMPUR, 28 Julai 2021** – Pusat RIVAC adalah Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) bagi Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RIVAC), merupakan satu inisiatif kerjasama awam-swasta di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Pemain Industri Peruncitan dan Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPK).

Terdapat lima (5) Pusat RIVAC di Lembah Klang memulakan operasinya minggu ini dan satu (1) Pusat RIVAC akan mula beroperasi awal Ogos ini di Melaka. Program RIVAC akan dapat membantu usaha Kerajaan untuk mempercepatkan kadar imunisasi di Lembah Klang khususnya dan diseluruh negara amnya dengan lebih cepat.

Sektor peruncitan, pengedaran dan perkhidmatan adalah salah satu sektor ekonomi yang sangat penting kepada pembangunan negara. Sektor ini juga merupakan sektor yang sangat terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana hampir keseluruhan sektor peruncitan tidak dibenarkan beroperasi kecuali yang menawarkan perkhidmatan perlu (*essential services*).

Sehubungan dengan itu, Kementerian sangat berharap dapat menyegerakan vaksinasi kepada barisan hadapan sektor peruncitan ini bagi membolehkannya beroperasi dibuka semula dan beroperasi sepenuhnya lebih awal di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Justeru itu, Kementerian menyeru semua syarikat sektor peruncitan dan pengedaran termasuk pasaran, kedai runcit, mini-market, stesen minyak, restoran, bengkel, kedai hardware, kedai gunting rambut dan lain-lain sektor peruncitan untuk menyertai RIVAC dan mendaftar untuk mendapatkan vaksinasi untuk pekerja mereka dengan segera.

Setakat ini, seramai 226,353 pekerja industri peruncitan dan pengedaran seluruh Malaysia telah mendaftar melalui 4,033 syarikat dengan Pusat RIVAC. Mereka yang telah mendaftar telah mula mendapat pemberitahuan mengenai temujanji mereka. Kementerian saranan kepada yang berkenaan supaya sentiasa memeriksa aplikasi MySejahtera supaya dapat merancang dan tidak terlepas temujanji mereka dan pastikan pergi ke Pusat RIVAC yang betul.

Sehingga semalam seramai 2,348 orang telah hadir ke Pusat RIVAC MVEC untuk mendapatkan suntikan dos pertama, Pusat RIVAC IOI City Mall seramai 1,206 orang dan 779 orang Pusat RIVAC PJIPAC One Utama. Jumlah keseluruhan penerima vaksin di Pusat RIVAC adalah seramai 4,430 orang.

Kementerian sedang dalam perincian fasa terakhir untuk menjadikan vaksinasi semua pekerja sebagai salah satu pra-syarat atau pasport untuk kelulusan beroperasi sesebuah syarikat dalam fasa-fasa PPN terutamanya bagi aktiviti ekonomi yang melibatkan sentuhan dan interaksi bersemuka secara berdekatan.

### LIMA (5) PUSAT RIVAC DI LEMBAH KLANG DAN SATU (1) DI MELAKA BEROPERASI PENGHJUNG JULAI DAN AWAL OGOS 2021

BIL	LOKASI PPGV RIVAC	TARIKH MULA BEROPERASI	KAPASITI MAKSIMUM (orang)
1.	Mid Valley Exhibition Centre (MVEC), Kuala Lumpur	26 Julai 2021	31,000
2.	IOI City Tower, Putrajaya	26 Julai 2021	21,000
3.	Petaling Jaya Performing Art Center (PJPAC), Bandar Utama, Selangor	27 Julai 2021	21,000
4.	Centro Mall, Klang, Selangor	28 Julai 2021	21,000

Get vaccinated.

### FAQ RIVAC



#### 1. Apakah itu Retail Industry Vaccination Programme(RIVAC)?

- Program ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam bentuk kerjasama strategik awam – swasta untuk mempercepatkan proses vaksinasi dalam kelangan pekerja-pekerja di bawah sektor peruncitan bagi membantu mencapai 80% imuniti kelompok (*herd immunity*) di negara ini.
- KPDNHEP telah ditugaskan untuk menyelaras program RIVAC ini yang merupakan sebahagian daripada Program Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN).

#### 2. Siapakah yang layak menyertai program ini?

- Semua pemain industri dan pekerja di bawah sektor peruncitan dibawah seliaan KPDNHEP adalah layak dan digalakkan menyertai program ini.

#### 3. Bagaimana syarikat saya boleh menyertai program ini? Apakah prosedur pendaftaran?

- Syarikat yang berminat untuk menerima vaksin bawah RIVAC perlu mengemukakan permohonan melalui laman web KPDNHEP (<https://rov.kpdnhep.gov.my/rov>). Hanya maklumat yang telah lengkap diisi sahaja akan diproses oleh KPDNHEP dan disarahkan kepada Jawatankuasa CITF-Sektor Ekonomi untuk penilaian.

#### 4. Apakah jenis vaksin yang akan disediakan?

- Vaksin yang mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia

#### 5. Bilakah RIVAC akan bermula?

- Program akan bermula pada bulan 26 Julai 2021. Syarikat yang berminat adalah diminta mengemukakan maklumat kepada KPDNHEP dengan kadar segera untuk tujuan penyelarasian.

#### 6. Sekiranya saya tiada tempat untuk menuju ke PPVIN dan saya bukan penyejuk atau pekerja PPVIN sedio ada, adakah saya boleh menyertai program ini di PPVIN berhampiran?

- Boleh. KPDNHEP akan membantu syarikat untuk mendapatkan vaksin di PPVIN berhampiran setelah pendaftaran penerima diluluskan.

#### 7. Adakah wakil syarikat perlu hadir semasa sesi pendaftaran vaksinasi pekerja?

- Ya. Wakil syarikat akan menguruskan pendaftaran pekerja di kaunter pendaftaran (stesen 2).

#### 8. Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa temujanji vaksinasi di PPVIN?

- Pekerja Tempatan : Pekerja perlu membawa Kad Pengenalan ASAL dan kad/pas pekerja semasa tarikh temujanji.

- Pekerja Asing : Dokumen ASAL Pengenalan Diri (*Passport*) dan kad/pas pekerja setiap pekerja asing WAJIB dipegang oleh wakil syarikat sahaja semasa tarikh temujanji.

#### 9. Sekiranya pekerja saya telah berdaftar untuk program vaksin sebelum ini, adakah pekerja saya masih boleh menyertai RIVAC?

- Sekiranya pekerja anda telah berdaftar di bawah program opt-in untuk vaksin AstraZeneca sebelum ini, pekerja anda tidak layak untuk Program Vaksinasi Bansir Hadapan Ekonomi – Sektor Peruncitan (RIVAC). Bagi yang telah berdaftar di bawah PICK fasa kedua atau ketiga melalui MySejahtera, pekerja anda masih layak untuk menyertai program ini.

#### 10. Apakah kriteria bagi seorang pekerja untuk layak didaftarkan sebagai penerima vaksin covid19 ini?

- Berumur 18 tahun dan ke atas;
- Bersetuju menerima vaksin ini secara sukarela;
- Tidak pernah menerima sebarang suntikan vaksin covid19;
- Tidak berstatus positif covid19 atau berstatus kontak rapat semasa hari temujanji vaksinasi tersebut;
- Bagi mereka yang pernah mempunyai sejarah positif jangkitan covid19, suntikan dos pertama vaksin hanya boleh diberikan selepas 3 bulan daripada tarikh jangkitan tersebut.

#### 11. Adakah program ini termasuk Sabah dan Sarawak?

5	Maja Link, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur	30 Julai 2021	21.000
6	Dataran Pahlawan, Melaka	Ogos 2021	0.000
<b>JUMLAH</b>			<b>123,000</b>

\*Penambahan PPVIN melalui Pusat RIVAC ini akan mempercepatkan pencapaian objektif Operation Surge Capacity yang baru diumumkan oleh YB Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang menyasarkan 100% penduduk Lembah Klang akan menerima vaksinasi sekurang-kurangnya dos pertama menjelang 1 Ogos 2021. Kementerian sedang menilai untuk memperluaskan Pusat RIVAC di luar Lembah Klang khususnya di Johor dan Pulau Pinang dalam masa terdekat.

- YA. Program ini akan dilaksanakan di semua negeri.

12. Siapakah yang saya boleh hubungi sekiranya terdapat pertanyaan lanjut?

- Sila berhubung dengan KPDNHEP melalui Sekretariat Vaksin KPDNHEP di iaitu hotline 03-8882 5903/5881 atau melalui emel kepada [rov@kpdnhep.gov.my](mailto:rov@kpdnhep.gov.my)

## MINYAK MASAK UNTUK SEMUA

**M**alaysia adalah antara pengeluar minyak sawit mentah (CPO) terbesar di dunia. Harga CPO ditentukan oleh pasaran dunia.

Lebih tepat lagi, pasaran bebas. Penawaran/bekalan dan permintaan mempengaruhi harga.

Graf 1 menunjukkan trend turun naik harga CPO dari tahun 2006 hingga 2021. Semacam ada sepuluh tahun pusingan, harga merudum pada tahun 2008 berulang pada tahun 2018.

Harga meningkat pada tahun 2010, berulang pada tahun 2020 di mana Mei 2021 mencatatkan harga tertinggi dalam tempoh 15 tahun iaitu RM 4,774 per tan metrik.

Justeru harga minyak masak tidak bersubsidi naik melambung di pasaran tempatan sehingga mencecah RM35 untuk botol 5kg.

RM4,774 per tan metrik bersamaan RM4.77/kg atau RM23.87 untuk 5kg. Itu belum termasuk kos pemprosesan dan pengilangan seperti dihilangkan baunya, dijemur kekeruhannya, dinyahkan kolesterol dan diperkaya dengan Vitamin E menjadi minyak olein sesuai untuk memasak.

Proses pengilangan dan pembungkusan/ pembotolan serta pengedaran termasuklah pemasaran serta margin keuntungan adalah kos yang bukan sedikit.

Dengan kiraan matematik mudah, kita boleh andaikan kos RM1.50 untuk setiap kg bagi keseluruhan proses tersebut. Untuk 5kg, harga CPO dicampur kos pemprosesan, pembotolan dan pengedaran akan menjadi RM 31.27.

Jadi tidak mustahil harga minyak botol 5kg telah melebihi paras RM32.00 pada awal tahun 2021.

### Minyak campuran

Terdapat dua jenis minyak masak berasaskan sawit dalam kemasan botol di pasaran. Satu adalah minyak masak sawit tulen dan satu lagi minyak masak campuran.

Minyak masak campuran adalah minyak sawit dicampurkan dengan minyak lain. Biasanya 98% adalah minyak sawit dan 2% adalah minyak kacang tanah, bijan dan/atau soya.

Walaupun demikian, pengguna Malaysia masih beruntung kerana wujudnya minyak masak bersubsidi dengan kemasan polibeg 1kg. Tetapi masih ramai pengguna begitu skeptikal terhadap minyak bersubsidi ini.

Ada yang kata ia minyak masak kitar semula. Tak kurang yang kata kualitiya lebih rendah daripada yang dalam botol. Apakah itu fakta atau mitos pengguna yang tidak bermaklumat?

Dalam laman rasmii Facebook KPDNHEP, terdapat satu video yang baharu dimuat naik berkenaan lawatan ke sebuah kilang integrase minyak masak.



Pengguna Bijak



Kedua, untuk mewujudkan usahawan tempatan dalam pembungkusan minyak masak polibeg. Pelbagai jenama adalah untuk pengecaman terutama dalam pemantauan prestasi usahawan pembungkusan tersebut.

Jika berlaku penyelewengian contohnya penyeludupan minyak bersubsidi ke negara asing, maka mudah bagi KPDNHEP untuk mengecam pelaku atau yang bersubhat dengan jenayah tersebut.

### Subsidi

Kerajaan memperuntukkan 60,000 tan metrik atau 60 juta kg sebulan bagi minyak masak bersubsidi. Satu peruntukan yang besar! 1.8kg untuk setiap rakyat Malaysia setiap bulan termasuk anak-anak kecil.

Harganya tetap RM2.50 untuk 1kg biarpun harga CPO naik turun di pasaran. Tiada halangan untuk golongan selain B40 untuk membelinya, apatah lagi ketika harga CPO tinggi seperti sekarang ini.

Justeru, had pembelian 3kg (atau 3 peket) untuk setiap pembelian dalam satu resit adalah langkah sementara bagi memastikan seramai mungkin rakyat Malaysia berpeluang membeli dan berjimat denganannya.

Industri CPO menghasilkan sebanyak RM33 bilion hingga RM43 bilion setahun atau lima hingga tujuh peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tempoh lapan tahun, walaupun ketika harga CPO merudum seperti



**Kerajaan memperuntukkan 60,000 tan metrik atau 60 juta kg sebulan bagi minyak masak bersubsidi. Satu peruntukan yang besar! 1.8kg untuk setiap rakyat Malaysia setiap bulan termasuk anak-anak kecil.**

Pakej PEMULIH yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Jun 2021 telah menyentuh berkenaan harga kawalan berdasarkan nilai ambang CPO di mana minyak masak botol 5kg akan dikawal tidak melebihi RM30 sebotol.

Sekurang-kurangnya ini akan jadi mekanisme harga minyak masak bersubsidi di masa hadapan jika harga CPO kembali melonjak melebihi paras RM4,000 per tan metrik.

Kerajaan juga akan menambah peruntukan RM1 billion kepada minyak masak bersubsidi bagi menjamin rakyat dapat membelinya pada harga RM2.50 sekilogram.

**HARGA MINYAK SAWIT MENTAH (CPO) – RM PER TAN METRIK MEI 2006 – MEI 2021**



video itu jelas menunjukkan minyak masak yang sama dimasukkan ke botol 3kg dan 5kg mahupun yang dibungkus dalam polibeg 1kg. Jenamanya pun sama!

Pada sidang akhbar dalam video tersebut, Ketua Setiausaha KPDNHEP mengesahkan bahawa kualiti minyak masak bersubsidi dalam polibeg sama dengan minyak masak tulen dalam botol.

Berapa kali ia boleh digunakan untuk gorengan bergantung kepada bahan rempah ratus yang digunakan.

Tapi mengapa jenama minyak masak bersubsidi ini banyak sangat? Ada yang menggunakan nama-nama seperti 'tak berjenama' yang tidak meyakinkan.

Minyak bersubsidi ini dilaksanakan secara serampang dua mata; pertama untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat terutama golongan B40 dan penjaja serta peniaga kecil.

dari tahun 2018.  
Difahamkan, lebih daripada 95 peratus hasil pengeluaran CPO negara adalah untuk tujuan eksport, manakala kurang dari 5 peratus adalah untuk penggunaan domestik. Lebih tinggi harga CPO lebih tinggi pendapatan negara dan peladang.

Harga minyak masak tidak bersubsidi seharusnya bukan lagi satu isu. Harga CPO masa kini sekitar RM3,675 per tan metrik dan jika ia hanya stabil sekitar harga tersebut seharusnya harga minyak masak tidak bersubsidi sekitar RM25.70 bagi botol 5kg menggunakan formula di atas.



Graf 1

Mekanisme ini merupakan strategi menang-menang merangkumi peladang, pengilang, pemborong, peruncit, pengguna dan Kerajaan yang memberi kelegaan kepada lebih 32 juta pengguna dan 700 ribu peladang kelapa sawit.

## “KPDNHEP DALAM AGENDA PELAN PEMULIHAN”



**M**enyedari dakwaan demi dakwaan mengatakan harga naik mendadak sepanjang tempoh PKP ini, Ketua Setiausaha KPDNHEP berkata, dalam situasi ini, pergerakan harga barang asas banyak dipengaruhi oleh faktor luaran seperti cuaca, bekalan semasa, bahan import, kenaikan harga di peringkat pengeluaran dan kadar pertukaran wang asing.

Dalam wawancara Politikonomi yang disiarkan melalui TV1 RTM, KSU KPDNHEP turut berkongsi isu kenaikan harga barang dan penetapan harga siling barang keperluan yang sering menimbulkan perasaan tidak puas hati pengguna dan peniaga.

Ikuti wawancara tersebut yang telah bersiaran pada 27 Julai 2021 (Selasa) di dalam Rancangan Bicara Naratif pada jam 9.00 malam.

### SOALAN DAN CADANGAN

1. Sebelum kita pergi lanjut kepada topik hari ini, bila kita bicara tentang KPDNHEP, kita tak dapat lari dari persoalan harga yang dipengaruhi pelbagai faktor termasuk bekalan. Isu ini akan terus menjadi semacam *vicious circle* atau lingkaran syaitan yang timbul tak henti-henti tak kira muslim, boleh Datuk Seri mulakan pencerahan :

- Ekonomi dunia sekarang ini berpasukan pasaran terbuka. Dalam situasi ini, pergerakan harga barang asas seperti daging, sayur, telur dan lain-lain bahan makanan banyak dipengaruhi oleh faktor luaran seperti cuaca, bekalan semasa bahan import, kenaikan harga di peringkat pengeluaran dan kadar pertukaran wang asing.
- Negara masih juga bergantung kepada komoditi yang diimport dari luar negara seperti ubi ketong dan bawang. Kita dapat melihat bagaimana negara terkesan beberapa bulan lalu berikutnya kenaikan mendadak harga bawang
- ♦ Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 yang memberikan kuasa kepada KPDNHEP untuk memastikan bekalan barang keperluan sentiasa stabil dan mencukupi; dan
- ♦ Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 pula memberi kuasa kepada KPDNHEP untuk memastikan harga barang yang dijual sentiasa berpatutan. Peniaga-peniaga yang tidak beretika meningkatkan harga barang jualan mereka ke paras pencatutan atau tidak munasabah boleh diambil tindakan di bawah AKHAP 2011.
- Di samping itu, kita juga mempunyai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang bertanggungjawab menguatkusakan Akta Persaingan 2010 dengan mengawal selia proses persaingan dalam pasaran agar perusahaan-perusahaan dapat bersaing secara sifat dan terbuka, seterusnya menjadikan perusahaan lebih cekap, inovatif dan lebih responsif terhadap kebijakan pengguna.
- Antara larangan utama di bawah Akta Persaingan ini adalah larangan untuk membentuk dan melaksanakan perjanjian anti-persaingan atau pakatan penetapan harga (sama ada secara menegak atau melintang) serta penyalahgunaan kedudukan dominan, di mana kedua-dua larangan utama ini adalah penting untuk dikawal selia bagi menjamin harga barang dan perkhidmatan dalam pasaran berkaitan adalah kekal kompetitif dan menjamin keadilan sosial pengguna dalam jangka masa panjang.
- KPDNHEP sememangnya mempunyai perundungan yang mencukupi untuk melindungi orang awam daripada peniaga-peniaga yang kurang beretika ini.
- Secara keseluruhannya, Kerajaan menyokong dan menggalakkan pasaran bebas tetapi pada masa yang sama Kerajaan sangat prihatin kepada pengguna yang berjumlah 32 juta dan ingin menguangkan ekosistem

### CAJ PENGHANTARAN MAKANAN MELALUI PLATFORM ATAS TALIAN

3. Apakah keadaan semasa yang Kementerian dapat

Jadi kita berharapkan ia memastikan harga barang yang diimport dari India. Harga hanya mula menjadi stabil apabila larangan eksport dimansuhkan.

- Di peringkat Kementerian, kita memantau harga pergerakan harga barang keperluan secara holistik. Kenaikan harga yang tinggi khususnya pada musim-musim perayaan disebabkan permintaan yang tinggi dibendung melalui pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP). Namun, terdapat juga keadaan yang mana kenaikan harga berlaku di lokasi tertentu dan bukan keseluruhan atau di semua tempat. Situasi demikian akan disiasat dan diambil tindakan terhadap premis yang terlibat.
- Pada masa yang sama, kita juga mempunyai 1,000 Pegawai Pemantau Harga (PPH) yang akan membantu Pengawas Kementerian melaksanakan pemantauan harga bagi barang keperluan asas. Dengan maklumat yang dikumpul oleh PPH ini, pihak Pengawas Kementerian yang akan mengambil tindakan ke atas peniaga yang bertindak meningkatkan harga secara melulu.
- Kementerian mempunyai beberapa akta yang boleh digunakan untuk mengualkuasakan kawalan ke atas harga barang, iaitu:

## K A P S U L PENGUNA

JULAI & OGOS 2021

5

WAWANCARA

### 4. Bolehkan Datuk Seri menjelaskan sedikit mengenai perubahan yang berlaku?

- Kalau sebelum PKP:
  - ◆ Punca pendapatan utama peniaga adalah melalui kaedah *dine-in*;
  - ◆ Jualan secara atas talian hanya menyumbang sebanyak 8-10% dari keseluruhan jumlah pendapatan peniaga;
  - ◆ Platform atas talian sebagai salah satu *marketing tool* untuk menarik pelanggan baharu; dan
  - ◆ Komisen yang diambil oleh penyedia perkhidmatan platform sebanyak 20-38%.
- Setelah PKP dilaksanakan:
  - ◆ Pendapatan utama adalah melalui platform penyedia perkhidmatan penghantaran;
  - ◆ Hampir 100% jumlah pendapatan peniaga adalah melalui jualan atas talian;
  - ◆ Platform atas talian sebagai *survival tool* untuk meningkatkan nilai jualan; dan
  - ◆ Komisen yang diambil oleh penyedia perkhidmatan platform sebanyak 15-38%.
- Peniaga terpaksa *adopt and adapt* kepada keperluan baharu, iaitu kebergantungan kepada penyedia perkhidmatan penghantaran makanan. Ini adalah kerana tidak semua perniagaan mempunyai pekerja *in-house* untuk membuat penghantaran kepada pelanggan.
- Banyak isu juga dihadapi oleh peniaga dalam perkara ini:
  - ◆ Kadar komisen tinggi yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan kepada peniaga menyebabkan wujud isu berkaitan kelesetarian perniagaan;
  - ◆ Perkhidmatan yang kurang memuaskan oleh penyedia perkhidmatan melibatkan perkara-perkara berikut:
    - ⇒ Bayaran dibuat lewat;
    - ⇒ Ketidak seragaman rekod pendapatan;
    - ⇒ Ketidak seragaman serta kurang *visibility* bagi produk peniaga yang dipamerkan oleh platform;
    - ⇒ Penalti dikenakan oleh platform yang tidak adil; dan
  - ◆ Terdapat platform yang mengadakan perjanjian eksklusif dengan perniagaan yang terpilih.
- Seperti mana kita sedia maklum, terdapat banyak penyedia perkhidmatan penghantaran makanan ini. Secara keseluruhan, terdapat kira-kira 40 penyedia perkhidmatan ini, di mana antara pemain-pemain utama adalah FoodPanda dan Grab. Ini merupakan antara pemain utama yang telah lama bertapak di Malaysia, selain daripada *small players* seperti Delivereat, Quicksent, Popmeals dan Bungkusit.
- Terdapat juga *new players* yang baharu sahaja wujud sejak pelaksanaan PKP ini, iaitu seperti ShopeeFood, AirAsia Food dan Warungku (projek platform oleh MEDAC).

ekonomi yang bersifat menang-menang (*win-win*) kepada peniaga dan pengguna.

- Pengguna juga perlu memainkan peranan mereka sebagai pengguna bijak kerana mereka berupaya untuk mempengaruhi harga barang melalui tingkah laku mereka

### 2. Dalam penjelasan tadi, Datuk Seri ada menyentuh Perilaku Pengguna atau *Consumer Behaviour* ini boleh mempengaruhi harga barang? Boleh Datuk Seri elaborate?

- *Consumer behaviour* ini sebenarnya ialah apabila cara pengguna bertindak balas apabila membuat transaksi. Jadi dalam keadaan di mana seorang pengguna itu melakukan pembelian, beliau adalah:
  - ◆ Pengguna bijak sekiranya dia tahu dia mempunyai hak;
  - ◆ Pengguna bijak sekiranya dia tahu dia memiliki kuasa membeli; dan
  - ◆ Pengguna bijak sekiranya dia tahu dia mempunyai pilihan.

perhatikan berkaitan industri makanan dan minuman (*food & beverages - F&B*)?

- Data 2020 menunjukkan terdapat lebih kurang 200,000 perniagaan melibatkan F&B
- Dapatkan kajian yang dilaksanakan oleh Persatuan Pemilik Restoran & Bistro (PPRB) berhubung impak penutupan berterusan yang dihadapi oleh peniaga F&B pada bulan Januari 2021 mendapat perlakunya perkara-perkara berikut:
  - ◆ Potensi kehilangan 65,000 ke 75,000 pekerja;
  - ◆ Kehilangan cukai melebihi RM500 juta; dan
  - ◆ 60% kadar penutupan di kalangan perniagaan melibatkan ahli-ahli PPRB.
- Bagi MCO 3.0, seramai 60% ahli PPRB telah menghentikan operasi, manakala baki 40% ahli yang masih beroperasi tidak dapat *break even*.
- Kebanyakan peniaga kini terpaksa beralih dari perniagaan berbentuk *brick and mortar* kepada mod atas talian dengan penghantaran makanan melalui penyedia perkhidmatan penghantaran.

- Kesemua pemain ini secara keseluruhannya memberikan peluang pekerjaan kepada 200,000 *rider* yang bekerja secara gig dan mungkin di dalam kelompok berpendapatan rendah (B40) dan kewujudan penyedia-penyedia ini sedikit sebanyak dapat membantu menyediakan perkhidmatan penghantaran kepada sektor F&B.
- Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), kita juga mendapatih bahawa penyedia perkhidmatan penghantaran makanan adalah tertumpu di kawasan Lembah Klang, dengan potensi outreach pelanggan adalah seramai 8 juta orang.
- Kita juga perlu mengambil maklum berkaitan *instrument* utama dalam ekosistem perkhidmatan penghantaran makanan ini, di mana terdapat pelbagai *instrument* yang wujud bagi memastikan sistem dan operasi penghantaran makanan tersebut berjaya:
  - ◆ Pembangunan dan penyelenggaraan sistem;
  - ◆ Khidmat pelanggan;
  - ◆ Pemantauan *rider*;
  - ◆ Risiko;
  - ◆ Penyelewikan
  - ◆ Gerbang Pembayaran; dan
  - ◆ Pengiklanan dan promosi.
- Pada masa yang sama, cabaran pasaran penghantaran makanan yang dinamik dengan pelaburan yang tinggi oleh penyedia perkhidmatan penghantaran makanan serta persepsi penyedia platform penghantaran makanan yang bersifat *rent seekers* serta perjanjian eksklusif antara penyedia platform dan restoran berkaitan perlu diteliti secara holistik dengan timbang taraf yang jelas.

### 5. Adakah Kementerian mempunyai sebarang cadangan atau pendekatan untuk membantu peniaga yang terkesan akibat isu caj penghantaran ini?

- KPDNHEP menyedari bahawa pertumbuhan pesat penyedia perkhidmatan *food delivery* ini terjadi berikutan kedudukan pasaran terbuka ekonomi dan peningkatan permintaan akan pasti berlaku.
- Pada masa yang sama, orang ramai perlu juga menyedari hakikat bahawa penyedia perkhidmatan penghantaran makanan ini dikawal selia oleh beberapa Kementerian yang berbeza, antaranya Kementerian Pengangkutan (aspek pemberian lesen operasi), Kementerian Kesihatan (aspek kawalan kualiti makanan), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (aspek platform digital dan transaksi atas talian) dan KPDNHEP (aspek kawalan harga).
- Dalam hal ini, dengan melihat kepelbagaiannya isu yang dihadapi oleh kesemua pihak yang terlibat, adalah wajar bagi pihak Kerajaan memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam menjalankan rundingan bersama penyedia platform penghantaran makanan terutamanya melibatkan perkara seperti penetapan kadar komisen bagi penggunaan platform serta tema dan syarat berkaitan.
- Pada masa yang sama, KPDNHEP juga komited untuk menjadi titik fokus dalam menganjurkan dialog terbuka

(*open dialogue*) bersama pemain industri, persatuan malah penyedia platform penghantaran makanan berkaitan bagi merencana idea serta solusi bersama berkaitan isu-isu semasa dalam pasaran ini.

- Di samping itu, selaras dengan aspirasi Kementerian yang bertanggungjawab dalam menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan meliputi pelbagai sektor dan pasaran di Malaysia, adalah penting juga bagi KPDNHEP serta agensi lain yang terlibat untuk menyemarakkan penglibatan pemain industri tempatan dalam pasaran penghantaran makanan ini bagi menjamin daya saing pasaran yang mampan di samping memastikan kelestarian pengguna serta menggalakkan daya tahan perusahaan kecil dan sederhana yang terlibat dalam pasaran ini dalam tempoh jangka masa panjang.
- Iri adalah di antara perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh Kerajaan buat masa ini.

### 6. Apakah pengharapan KPDNHEP mengambil kira hasrat Kerajaan untuk merealisasikan Pelan Pemulihan Negara yang telah diumumkan pada 15 Jun 2021 yang lalu?

- Satu benda yang pasti ialah Malaysia tidak akan mampu untuk kembali kepada keadaan sedia kala seperti mana sebelum COVID-19. Oleh yang demikian, strategi Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang disasarkan merentasi empat fasa bermula Jun 2021 sehingga penghujung tahun ini adalah penting kepada KPDNHEP kerana perancangan kerja kita perlu dibuat untuk memastikan objektif PPN tercapai.
- Kita juga perlu menerima hakikat bahawa jalan paling pantas untuk kita kembali kepada *some sense of normalcy* ialah melalui vaksinasi. Sepertimana yang saya katakan sebelum ini, *herd immunity* perlu dicapai bagi membolehkan orang ramai bergerak melakukan aktiviti sehari-hari dengan lebih yakin dan selamat.
- Di pihak Kementerian, kita akan meneruskan program RIVAC untuk membolehkan sektor perdagangan pengedaran dibuka semula sesegera mungkin. Kita juga akan meneruskan program-program yang telah kita rancang di bawah Belanjawan 2021. saya percaya dan yakin KPDNHEP akan dapat membantu memastikan proses pemulihan ekonomi dapat dilaksanakan secara holistik dengan bantuan komuniti perniagaan dan masyarakat umum.
- Pada masa yang sama, KPDNHEP juga memohon kerjasama pihak industri supaya lebih bersifat dinamik dalam menghadapi cabaran dan ketidakpastian situasi pada masa hadapan dengan meraikan pengaplikasian teknologi serta mengambil peluang terhadap insentif-insentif pendigitalan yang diberikan oleh Kerajaan.
- Akhir kata, ingin saya nyatakan bahawa KPDNHEP akan terus memberikan komitmen untuk memastikan agenda pemulihan negara dapat dilaksanakan. *There is a light at the end of the tunnel*. Kita hanya perlu bergerak ke arah cahaya tersebut berdasarkan perancangan yang telah kita tetapkan.



SSM telah melanjutkan inisiatif sedia ada berhubung pengurangan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016, dari 30 Jun 2021 kepada 31 Disember 2021.

Bagi tahun 2021, SSM telah memperkenalkan sembilan (9) inisiatif sedia ada bagi mengurangkan beban peniaga dan komuniti korporat akibat dari pandemik Covid-19.

#### Inisiatif Pertama,

SSM telah memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang membolehkan pendaftaran perniagaan secara percuma diberikan kepada golongan B40 dan pelajar sepenuh masa (IPTA/IPTS, Kolej, Institut & Pusat Kemahiran). Melalui inisiatif ini, seramai 1,969 pelajar sepenuh masa dan 6,519 usahawan golongan B40 telah berjaya mendapatkan pendaftaraan percuma dan tempoh 1 Januari sehingga 30 April 2021.

#### Inisiatif Kedua,

SSM telah mengecualikan kompaun atas kelewatian pembaharuan dan kelewatian mendattarkan perniagaan sehingga 31 Disember 2021 untuk membantu usahawan yang lewat mendaftar perniagaan atau lewat memperbaharui pendaftaran perniagaan untuk memulakan perniagaan serta akan membantu mereka memperbaharui pendaftaran perniagaan yang telah tamat semasa pandemik Covid-19 ini tanpa dikenakan penalti atau kompaun. Sehingga 30 April 2021, sebanyak 162,761 perniagaan telah menikmati pengecualian kompaun ini.

#### Inisiatif Ketiga,

SSM telah meningkatkan nilai ambang keterutangan syarikat daripada RM10,000 kepada RM50,000 secara kekal berkuat kuasa 1 April 2021. Pengenalan inisiatif ini telah berjaya mengurangkan jumlah petisyen penggulungan syarikat di mana dari tempoh 1 Januari sehingga 30 April 2021, sebanyak 220 petisyen penggulungan direkodkan. Jika dibandingkan dengan tahun 2019 dan 2020, jumlah petisyen penggulungan syarikat adalah lebih tinggi iaitu 1,029 pada tahun 2019 dan 701 pada tahun 2020.

#### Inisiatif Keempat,

SSM akan meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1OKU1P) yang menawarkan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan percuma kepada golongan kelainan upaya. Sebanyak 810 perniagaan telah didaftarkan di bawah skim ini bagi tempoh 1 Januari sehingga 30 April 2021.

#### Inisiatif Kelima,

SSM telah melanjutkan tempoh pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2021. Pada 31 Mac 2021, SSM BizTrust telah diperkenalkan sebagai business

## SSM MEMPERKENALKAN SEMBILAN (9) INISIATIF SEDIA ADA BAGI MENGURANGKAN BEBAN PENIAGA DAN KOMUNITI KORPORAT



starter kit berbentuk kod QR yang berfungsi sebagai pengesahan identiti digital (*digital identification*) serta semakan maklumat entiti perniagaan di mana objektifnya adalah selaras dengan peruntukan pematuhan akta-akta yang ditadbir oleh SSM ia diberikan secara automatik kepada entiti perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan mempunyai akaun di portal ezBiz Online. Sejak dari pengenalan SSM BizTrust sehingga 30 April 2021, sebanyak 95,434 entiti perniagaan dalam talian telah berdaftar dengan SSM BizTrust.

#### Inisiatif Keenam,

SSM telah mengurangkan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016 sehingga 30 Jun 2021. Seperti yang dimaklumkan di atas, inisiatif ini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021. Setakat 30 April 2021, sebanyak 4,626 syarikat telah memanfaatkan inisiatif ini.

#### Inisiatif Ketujuh,

Berkuat kuasa 1 Januari 2021, SSM telah bersetuju untuk mengiktiraf semua 20 mata *Continuing Professional Education* (CPE) setahun yang dikumpul melalui latihan secara dalam talian bagi tujuan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat. Setiausaha syarikat boleh menghadiri latihan secara dalam talian bagi memastikan keperluan pengumpulan mata CPE dipatuhi sebagai syarat untuk memperbaharui Sijil Perakuan Amalan Setiausaha. Inisiatif ini sebagai pemudahcara kepada golongan intermediari korporat khususnya setiausaha syarikat untuk mendapatkan mata CPE serta merancangkan peluang ekonomi kepada pemain industri latihan yang menawarkan latihan melalui kaedah digital. Sebanyak 2,650 permohonan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha telah diterima dan diluluskan oleh SSM dari 1 Januari 2021 sehingga 30 April 2021.

#### Inisiatif Kelapan,

Pemerkesaan undang-undang yang ditadbir, SSM sedang memuktamadkan Rang Undang-Undang (Pindaan) Syarikat bagi membolehkan syarikat yang berhadapan masalah kewangan untuk:

(a) Meluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat iaitu perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman kepada semua jenis syarikat kecuali syarikat yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia atau syarikat yang dilesenkan atau diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007,

(b) Mengukuhkan peruntukan berkaitan skim perkiraan atau kompromi untuk dimanfaatkan sebagai satu proses rehabilitasi korporat dengan menyediakan peruntukan yang lebih lengkap dan proses yang lebih efisien serta telus untuk membolehkan skim yang dicadangkan dapat diluluskan di samping melindungi hak-hak pembiutang sedia ada; dan

(c) Membolehkan syarikat yang memohon perintah pengurusan kehakiman atau yang mencadangkan skim perkiraan atau kompromi mendapatkan pembiayaan penyelamat dari sumber kewangan baharu dan pembiayaan baru ini diberi keutamaan khas tanpa menjelaskan kepentingan pembiutang sedia ada sekiranya syarikat digulungkan.

#### Inisiatif Kesembilan,

SSM akan mengubah Rang Undang-Undang (RUU) Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2021 bagi memperkenalkan CRM kepada entiti Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang menghadapi masalah kewangan. RUU ini bertujuan untuk menambah baik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat bagi PLT.

Penambahbaikan serta pindaan untuk memperluaskan pemakaian perundangan berhubung CRM ini akan membantu PLT yang menghadapi masalah kewangan memohon proses rehabilitasi korporat agar PLT boleh terus beroperasi (*stay afloat*). Inisiatif ini adalah penting untuk membantu sektor korporat yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik Covid-19 agar kekal beroperasi dan menjana ekonomi negara. RUU ini juga akan memperkenalkan peruntukan mengukuhkan polisi berhubung kerangka pelaporan pemunyaian benefisial yang komprehensif.

SSM berharap inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini dapat membantu mengurangkan beban yang dihadapi oleh sektor korporat untuk memenuhi kewajipan mereka di bawah undang-undang yang dikawal selia oleh SSM.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila kemukakan melalui e-mel ke [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).

#### 6) Pos sekirap mungkin dalam media sosial

Secara purata, kajian menunjukkan yang seseorang itu meluangkan masa dengan media sosial selama 2 jam dan 22 minit sehari. Melihat kepada PKP yang bakal dilaksanakan, tidak

# PENIAGA TERUSKAN PERNIAGAAN?



Penularan koronavirus (Covid-19) ke negara kita menjadikan banyak perniagaan melibatkan pelbagai sektor lebih-lebih lagi selepas Kerajaan menguatasukan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020.

Malah, tidak kurang juga yang membuat andaian sendiri akan menutup perniagaan jika keadaan berterusan kerana tidak lagi mampu menampung kos sewa premis, gaji pekerja dan modal barang basah dalam keadaan aliran tunai tidak memberangsangkan.

Tumpuan juga diberikan pada golongan peniaga industri kecil dan sederhana (PKS) di seluruh negara. Adakah PKP sebelum ini sudah mempersiapkan mereka untuk berhadapan dengan segala kemungkinan?

Berikut adalah 10 perkara yang mereka boleh lakukan demi meneruskan perniagaan ketika PKP:

## 1) Berniaga secara dalam talian

Ramai usahawan di Malaysia meneruskan perniagaan mereka secara dalam talian ketika PKP. Malah, kaedah ini bukan sesuatu yang baru. Ramai usahawan di Malaysia memanfaatkan kaedah ini termasuk mempromosikan produk jualan di platform digital seperti Shopee, Grab, FoodPanda dan platform e-commerce yang lain.

Bagi penilaian di bawah Industri PKS, mereka boleh memanfaatkan inisiatif Kerajaan yang membantu mereka melonjakkan kembali ekonomi. Salah satunya adalah Pembiayaan Pemuliharan Perniagaan Mikro (CBRM) menerusi Tekun Nasional (Tekun).

Skim pembiayaan mikro ini membantu usahawan yang terjejas akibat wabak COVID-19 dalam memulih dan memulakan semula perniagaan sedia ada.

## 3) Tampil dengan cara baharu

Melihat kepada keadaan semasa, peniaga juga berhadapan dengan cabaran bagi memastikan produk jualan mereka kekal relevan. Oleh yang demikian, ketika PKP kita menyaksikan pelbagai strategi jualan, termasuk cara pengiklanan kreatif yang dilakukan oleh pemilik syarikat. Ada yang manfaatkan platform media sosial seperti Instagram dan TikTok.

## 4) Kemudahan Dana Bantuan Khas (SRF)

Kerajaan menambah peruntukan RM3 bilion kepada SRF untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19, menjadikan jumlah peruntukan berjumlah RM5 bilion berbanding RM2 bilion sebelum ini. Buat peniaga PKS, mereka boleh memanfaatkan bantuan ini.

## 5) Buka akaun Google My Business

Google My Business (GMB) salah satu platform digital yang boleh dimanfaatkan oleh peniaga. Ini kerana ia adalah merupakan platform pengiklanan secara percuma dengan enjin pencarian internet yang paling terkenal di dunia, Google!

Dengan GMB, sekiranya pencarian bagi nama perniagaan anda di kedudukan teratas, pemilik perniagaan akan diberi ganjaran. Platform ini juga membantu memastikan nama perniagaan muncul di halaman pertama carian Google.

hairan lebih ramai yang meluangkan masa dengan media sosial. Ini adalah cara terbaik untuk memaparkan perniagaan di media sosial.

## 7) Jalankan kempen pemasaran emel

Kempen pemasaran emel antara saluran pemasaran yang paling berkesan. Selain daripada pulangan yang besar, pemasaran emel membolehkan perniagaan memberikan maklumat-maklumat penting kepada pelanggan mereka dengan kadar segera, lebih-lebih lagi di luar waktu operasi.

## 8) Tawarkan perkhidmatan penghantaran segera

Salah satu cara berkesan untuk memastikan perniagaan sentiasa berdaya saing adalah dengan menyediakan perkhidmatan penghantaran pada hari yang sama atau on-demand service.

## 9) Lakukan kolaborasi dengan pemain industri

Kolaborasi antara jenama membolehkan sesebuah perniagaan itu lebih dinamik dan menawarkan variasi kepada pengguna mahupun pembeli. Justeru, sekiranya peniaga ingin mengatur strategi dalam memastikan kemapanan syarikat, strategi seperti ini boleh diguna pakai.

## 10) Implementasikan cara pembayaran E-wallet dan Cashback

Cara pembayaran juga berubah setelah PKP diimplementasikan. Ramai usahawan mengambil inisiatif untuk mentransformasikan perniagaan mereka, ini termasuk cara pembayaran.

Bagi pelanggan, apa yang dimahukan mereka ketika ini adalah medium yang lebih pantas dan mudah. Justeru, pembayaran secara digital, seperti E-Wallet dan Cashback reward dapat membantu dalam urusan pembayaran ketika norma baharu ini.

# “SERONOK DAN MUDAH MEMBELI-BELAH SECARA ON-LINE?”



## 6 Tips sebagai 'Checklist' berhati-hati sebelum membeli

Trend beli-belah dalam talian menjadi tumpuan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 13 Januari lalu. Pengguna menyatakan pembelian persiapan secara online adalah lebih selamat semasa PKP dilaksanakan. Kita dapat lihat banyak usahawan yang giat mempromosikan dan mengiklankan bisnes mereka di internet.

Dunia sekarang semakin bergerak pantas tanpa sempadan dan batasan, masyarakat juga turut menginginkan perkhidmatan yang mudah, ringkas dan cepat tanpa perlu keluar untuk mendapatkan barang yang mereka perlukan. Suatu masa dahulu, tidak pernah kita terfikir akan jual-beli secara atas talian. Namun kini, pelbagai transaksi pembelian boleh dibuat dengan sekecil-kecil barang hingga ke barang besar dan berat seperti barang pencuci, barangan bayi, barangan dapur, perabot, kereta, motosikal dan sebagainya.

Semua ini boleh dilakukan tanpa perlu meninggalkan rumah, sebaliknya hanya perlu menekan jari di papan kekunci telefon, komputer, laptop, tab dan pelbagai jenis gajet lagi yang ada di dunia teknologi sekarang ini.

Rasa kesedaran terhadap pembelian melalui internet atau online memang perlu ada dalam setiap orang. Hak dan tanggungjawab ini harus seiring melibatkan para penjual serta pembekal barang dan perkhidmatan. Persoalan ini perlu dikupas dengan teliti supaya ia tidak menjadi isu yang besar dan menjadi kemarahan peniaga yang berniaga secara online atau atas talian.

Oleh itu sebagai pengguna kita perlu ada kesedaran tentang perkara ini. Hak dan tanggungjawab ini harus seiring melibatkan para penjual serta pembekal barang dan perkhidmatan. Maklum sajalah, pengguna membayar setiap pesanan yang mereka lakukan. Kita sering mendengar dan membaca berita mengenai pengguna yang sering ditipu oleh peniaga dan pembekal.

Pengguna perlu bijak dan berhati-hati membeli barang secara online supaya tidak tertipu dan juga berbaloi dengan nilai ringgit yang dibelanjakan. Jangan mudah membayar wang anda sewenang-wenangnya.

Nah! Kami kongsikan 6 tips sebelum anda membeli secara online, jadikan kebiasaan anda untuk menjadikan tips ini sebagai checklist sebelum/ selepas anda membuat pembelian :

### 1. Membeli di Online Platform yang dijamin selamat

- Pembelian secara online kadang-kadang memerlukan kita untuk berkongsi maklumat peribadi seperti alamat, nombor telefon dan butiran kad bank. Jadi sebagai pengguna kenalah pastikan laman web tersebut selamat sebelum berkongsi segala maklumat peribadi pada penjual. Cara ni taku laman web selamat adalah kalau alamat atau link URLnya bermula dengan "https:" yang menandakan laman web tersebut selamat.
- Selain itu, Pengguna juga boleh beli barang secara online di platform seperti Lazada dan Shopee yang mempunyai polisi "jaminan wang dikembalikan semula". Platform seperti Shopee akan "pegang" dulu duit pembeli, dan lepas pembeli telah menerima barang, barulah duit tersebut akan dilepaskan kepada penjual. Jadi sekiranya barang tidak sampai kepada pembeli atau barang tidak seperti yang dibeli, pembeli boleh menuntut semula duit yang telah di bayar. Dengan cara ini dapat mengelakkan pembeli daripada menjadi mangsa penipuan.

### 2. Jangan Membuat Bayaran Atau Pembelian Melalui Hotspot Awam Percuma

- Cuba elakkan diri dari menggunakan hotspot awam seperti di kedai mamak, atau mana-mana premis yang menyediakan hotspot secara percuma. Sekali lagi ingin tekankan, jangan seseaken membuat bayaran atau pembelian melalui hotspot awam!
- Hotspot awam yang percuma sememangnya disukai oleh semua orang. Namun, ia juga sangat tidak selamat kerana penggodam boleh memintas data yang dihantar atau diterima dengan mudah.

### 3. Tengok Rating dan Review Kedai

- Salah satu tips yang paling berkesan sebelum beli barang secara online, adalah tengok rating dan review untuk kedai tersebut. Kalau rating kedai tersebut dapat 4 bintang ke atas, maksudnya ramai pelanggan yang berpuas hati dengan servis kedai tersebut.
- Tapi kadang-kadang ada juga kedai yang mempunyai rating tinggi tetapi masih bermasalah. Ini mungkin kerana penghantaran laju atau bungkus yang elok. Tips lain yang boleh dibuat ialah untuk tengok di bahagian komen 1 bintang pada kedai tersebut. Di situah, kita boleh



# SUKA SHOPPING ONLINE KE? JANGAN LUPA 8 PERKARA PENTING HAK ANDA SEBAGAI PENGGUNA

1

Nama peniaga (individu/ syarikat)

Nombor pendaftaran  
perniagaan/ syarikat

2

3

Maklumat untuk dihubungi  
(emel/ telefon/ alamat)

Keterangan barang/  
perkhidmatan

4

5

Harga penuh barang/ perkhidmatan

Kaedah pembayaran

6

7

Terma dan syarat-syarat

Anggaran masa penghantaran

8

JADILAH PENGGUNA DALAM TALIAN YANG BIJAK! ELAKKAN PENIPUAN.

PENGGUNA

JULAI & OGOS 2021

8

K A P S U L  
PENGGUNA

## TRIBUNAL LINDUNGI HAK PENGGUNA, BOLEH TUNTUT SEHINGGA RM50,000

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) adalah suatu badan kehakiman bebas yang ditubuhkan di bawah Seksyen 85, Bahagian XII Akta Pelindungan Pengguna 1999 bagi melindungi hak rakyat sebagai seorang pengguna.

Mula berkuat kuasa pada 15 November 1999, TPM berfungsi untuk mendengar dan mengadili tuntutan-tuntutan yang difaikkan pengguna di bawah Akta 599 dan tertakluk kepada peruntukan akta terabit.

Sebelum penubuhan tribunal, semua pertikaian antara pengguna dan peniaga, pembekal atau pengilang barang atau pembekal perkhidmatan difaikkan dan didengar di mahkamah sivil membabitkan prosedur yang rumit, kos yang tinggi serta membabitkan masa panjang untuk diselesaikan.

Sebagai satu saluran alternatif kepada mahkamah sivil, bidang kuasa tribunal adalah untuk pengguna menuntut tebus rugi berkenaan pembelian barang atau perkhidmatan yang dibenarkan di bawah bidang kuasa, jumlah aman tuntutan tidak melebihi RM50,000 dan tuntutan yang dijelaskan dalam masa tiga tahun dari tuntutan itu.

5. Supaya wang diawardkan untuk memberikan pampasan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh orang yang menuntut.
6. Supaya sesuatu pihak mematuhi gerenti.
7. Supaya kontrak itu diubah atau diketepikan pada keseluruhan atau sebahagiannya.
8. Supaya kos (tidak melebihi RM200.00) dibayar kepada mana-mana pihak.

9. Supaya faedah dibayar di atas jumlah wang yang diawardkan.
10. Bahawa tuntutan ditolak.

### PENGUATKUSAAN AWARD :

1. Award Tribunal adalah muktamad dan mengikat semua pihak kepada prosiding.
2. Award Tribunal disifatkan sebagai perintah Mahkamah Majistret dan boleh dikuatkuasakan di Mahkamah (Majistret) tersebut.

3. Mana-mana pihak diberikan tempoh 14 hari dari tarikh serahan award ATAU mana-mana tempoh yang ditetapkan untuk mematuhi sesuatu Award TPM.

4. Aduan berhubung ketidakpatuhan Award akan disiasat oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP (tindakan menghina Tribunal)

5. Penalti bagi kesalahan jenayah akibat ketidakpatuhan Award TPM adalah DENDA tidak melebihi RM5,000.00 atau PENJARA tidak melebihi (2) dua tahun.

6. Pihak-pihak juga boleh memulakan prosiding pelaksanaan di mahkamah sivil. Contohnya, pelaksanaan writ penyataan & penjualan, saman penghitung pengakuan, penggulungan syarikat dan lain-lain.

### Apa yang perlu di bawa semasa pemfailan tuntutan / pendengaran 14:

- i. Resit bayaran asal
- ii. Slip bank (pembayaran)
- iii. Dokumen kontrak / perjanjian
- iv. Surat jaminan / waranti / gerenti
- v. Saksi individu (hadir semasa pendengaran)

\* Yuran pemfailan Borang Tuntutan / Pembelaan TPM adalah

Apakah yang selalu dituntut di

tpm ?

### Klasifikasi (Barangan)

- Alat Telekomunikasi
- Tawar Perkhidmatan Awam (Bias, Keretaapi, feri)
- Pembelian Kendaraan Persendirian Baru / Terpakai Deposit bell kendaraan bermotor
- Komputer
- Pakai
- Cabutan Bervalu Gores dan Menarik
- Halwan Polihansen
- Perabot
- Aksesori Hidau Diri seperti Jam Tangan, Barang Kemas
- Alat Permainan
- Kamera
- Deposit Sowa Rumah
- Mesin Penapis Air
- Alat Jimat Elektrik

### Klasifikasi (Perkhidmatan)

- Agensi Pembantu Rumah
- Paket Perkembangan
- Kedai Jajat Pakai
- Perkhidmatan Agensi Pelancongan
- Program / Rawatan Kecantikan
- Khidmat Kecantikan
- Khidmat ubah suai rumah
- Bengkel Kereta / Motosikal
- Paket Ganti Kenderaan
- Paket rumah tumpangan/ hotel
- Pembalutan Kecil
- Perkhidmatan Bekalan Elektrik
- Perkhidmatan Gambar/Foto
- Paket Pemeriksaan Kesehatan

Pembatasan Bidang Kuasa  
(tidak boleh dituntut  
di TPM)

AWARD TPM Tribunal boleh membuat satu atau lebih daripada Award berikut:

1. Supaya suatu pihak kepada prosiding itu membayar wang kepada mana-mana pihak yang lain.
2. Supaya barang ditukarkan atau dibekalkan semula.

Banyak pada kasus tersebut, orang tuarai belum melihat feedback pelanggan yang tidak berpusat hati dengan servis yang diberikan dan boleh melihat kualiti sebenar servis penjual serta cara mereka melayan pelanggan.

### 4. Lihat Polisi dan jaminan kedai seperti return/refund

Lepas jumpa barang yang hendak dibeli, pastikan kita baca polisi yang ditetapkan oleh kedai tersebut. Cari berapa lama tempoh atau jaminan yang ditawarkan, berapa lama warranty, ataupun kita juga boleh bertanya pada kedai tersebut tentang polisi pemulangan wang sekiranya kualiti barang yang sampai tidak sama seperti apa yang diiklankan.

### 5. Elakkan beli barang yang teralu murah dan tak logik akal.

Ada beberapa kes yang pernah ditipu semasa beli online adalah apabila harga yang ditawarkan itu jauh lebih rendah daripada harga biasa. Memang ada promosi yang dijalankan kadang-kadang meletakkan harga yang lebih rendah. Tapi kita harus bijak dan berpikir bahawa logik atau tidak untuk harga barang yang kita beli tersebut dengan harga serendah yang ditawarkan. Contohnya harga sebuah televisyen baharu di pasaran adalah berharga RM800 tetapi dijual pada harga RM250, sudah tentu harga tersebut tidak boleh diterima kerana terlalu rendah pada harga asal.

### 6. Simpan resit, maklumat pembelian dan perbualan dengan penjual.

Setiap kali lepas beli barang secara online, pastikan pengguna terus screenshot atau tangkap gambar semua butiran pembelian. Buat salinan simpanan semua resit pembelian dan perbualan sepanjang berurusan dengan penjual. Ini supaya sekiranya berlaku penipuan, pembeli dah ada bukti yang boleh digunakan semasa membuat laporan polis dan boleh di bawa ke Tuntutan Tribunal Pengguna, KPDNHEP bagi menuntut ketidkupasan hati pembelian barang.

- Supaya barang dibekalkan atau dibekalkan semula
- Supaya barang yang dibekalkan atau yang dibekalkan semula kepada pengguna diganti atau dibaiki.
- Supaya harga yang telah dibayar oleh pengguna dibayar balik.

- Tuntutan untuk kecederaan diri atau kemalangan
- Tuntutan basah
- Tuntutan wasiat
- Nama baik
- Apa-upa namai perdagangan atau harta intelek lain
- Syar, delikur dan wang (utang)

**P**erlantikan Perdana Menteri kesembilan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah menghentikan kemelut politik sebelum ini. Rakyat memberikan maklumbalas positif dan menyambut baik ucapan sulungnya yang menyeru seluruh Ahli Dewan Rakyat sama ada dalam atau luar kerajaan supaya menggembung tenaga untuk memulih semula keadaan negara.

Selain dari itu, dalam ucapannya juga menyatakan dua objektif utama pentadbirannya ketika ini dalam usaha untuk mengurangkan kesan ekonomi yang berpanjangan akibat daripada krisis pandemik. Pelbagai sektor dan industri terjejas dan memberi kesan yang sangat serius kepada ekonomi dunia termasuklah ekonomi domestik negara kita.

Objektif pertama, mengembalikan kesejahteraan rakyat seiring dengan usaha meningkatkan kuasa beli pengguna. Manakala

## KUASA BELI PENGGUNA TINGKATKAN EKONOMI NEGARA

objektif kedua, mengangkat semula sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara.

Kita semua harus berganding bahu dalam usaha membantu rakyat yang terjejas lebih-lebih lagi terhadap perusahaan kecil dan sederhana. Kuasa beli dan perbelanjaan pengguna dilihat akan terus menjadi pendorong utama pertumbuhan ekonomi. Banyak usaha harus dilakukan kerana ekonomi telah mengalami kerugian berbilion ringgit sehari akibat kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Namun begitu peralihan fasa

dalam Pelan Pemulih Negara (PPN) serta kelonggaran dengan pembukaan sektor secara berperingkat akan meningkatkan sedikit kuasa beli oleh pengguna seterusnya meningkatkan ekonomi sedikit demi sedikit.

Pentingnya kuasa beli di kalangan pengguna supaya dapat terus membantu peniaga-peniaga ini untuk meneruskan perusahaan setelah menempuh waktu yang sukar disebab penularan pandemik ini. Adalah penting bagi semua pihak bergandingan untuk mendorong pemulih kerana ia akan menjadi lebih mampan berdasarkan keputusan pembelian yang sebenar, berbanding projek jangka pendek kerajaan termasuklah bantuan dan insentif daripada pakej-pakej rangsangan ekonomi.



**Kemosyikian :** Baru-baru ini saya membeli ekor lembu pada harga RM45 satu kilogram. Harga tersebut adalah sangat mahal, kerana sebelum ini saya membeli pada harga RM30 sekilo. Adakah tiada pantauan harga oleh pihak KPDNHEP. Mengapakah terjadi perkara ini, mohon pihak KPDNHEP memberi penjelasan. (Kamarudin, Perak)

**Penjelasan :** Kementerian ingin menjelaskan bahawa harga lembu yang kita kawal adalah lembu tempatan. Baru-baru ini kementerian akui ada mendengar keluhan dan kemarahan pengguna serta penjual. Penjual kata harga maksimum RM34 sekilogram yang KPDNHEP tetapkan bagi daging lembu tempatan adalah terlalu rendah.

Sebenarnya sebelum meletakkan had harga, kita gunakan mekanisme biasa Kementerian ada jawatankuasa dalam kementerian yang melibatkan pegawai berpengalaman. KPDNHEP juga buat konsultasi bersama MAFI, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan peniaga-peniaga. Selepas sesi itu barulah kementerian letakkan harga. Ia bukannya dilakukan oleh KPDNHEP sahaja.

Sebenarnya dalam seekor lembu, bukan semua anggota badan lembu dikenakan had harga maksimum tetapi sebahagian sahaja iaitu daging. Bahagian yang lain tidak ada kawalan. Itu rakyat perlu tahu dan peniaga pun tahu. Mereka boleh jual tanpa kawalan harga untuk bahagian lain.

Untuk makluman tuan, keluhan dan kemarahan tentang had harga daging itu seolah-olah semua bahagian daging itu tertakluk pada had harga adalah tidak benar. Kalau kita tidak kawal akan berlaku situasi harga semua bahagian lembu akan naik mendadak dan pengguna pula marah selain ia tidak adil kepada pengguna.

Sekiranya berlaku kenaikan harga yang lebih melampau, tuan boleh menyalurkan maklumat yang lebih lengkap, dengan memberi nama kedai dan lokasi kedai tersebut untuk penguat kuasa KPDNHEP menjalani siasatan dengan lebih terperinci. Saluran yang lebih memudahkan orang ramai membuat aduan kepada kementerian adalah dengan aplikasi whatsapp di talian 019-2794319.

## KPDNHEP KAJI HARGA RUNCIT KIT UJIAN KENDIRI COVID-19

Di saat peningkatan kes positif COVID-19 yang dilihat semakin membimbangkan dengan capaian kes harian melebihi 20 ribu untuk tempoh beberapa hari yang berterusan, penggunaan kit ujian kendiri COVID-19 yang mula diperkenal menjadi satu inisiatif rakyat untuk mengesan penularan wabak tersebut lebih awal sebelum mengambil tindakan selanjutnya.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang dalam usaha untuk mengkaji seterusnya menetapkan harga runcit yang berpatutan terhadap kit ujian kendiri COVID-19 yang kini mendapat sambutan seluruh lapisan rakyat dan sering kehabisan stok di pasaran. Kerajaan akan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan rakyat tidak terbebas dengan keperluan produk tersebut ketika ini jika harganya tidak dikawal.

KPDNHEP sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi lain yang bertanggungjawab untuk terus meneliti situasi ini bagi mengurus isu harga runcit Kit Ujian Kendiri COVID-19 dan akan mencari inisiatif dengan



dengan lebih cepat tetapi bukan untuk menggantikan fungsi diagnostik *real-time reverse-transcription polymerase chain reaction* (RT-PCR).

Penggunaan kit ini amat praktikal kerana kurang berisik berbanding melakukan ujian cairan di klinik atau makmal yang memerlukan seseorang itu keluar rumah. Namun begitu harga bagi kit ujian kendiri yang mahal akan membebankan terutama bagi keluarga yang mempunyai ahli yang ramai.

Hanya menggunakan sampel (air liur, nasab swab dan lain-lain bergantung kepada jenis kit) yang boleh dilakukan individu itu sendiri dan keputusan boleh diperolehi dalam masa 10 hingga 15 minit apabila ia menunjukkan satu garisan (negatif) atau dua garisan (positif). Seandainya keputusan positif maka boleh terus asingkan diri dan hubungi KKM untuk tindakan seterusnya.

Sepatutnya produk ini mudah untuk didapati di farmasi di seluruh negara tetapi kini menjadi buruan rakyat apabila produk tersebut

## PENGUATKUASAAN PEMATUHAN SOP PKP SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN DITERUSKAN DI BAWAH FASA KE-2 PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

**P**UTRAJAYA, Julai 2021 – Negeri-negeri yang telah berjaya mencapai nilai ambang ditetapkan dan seterusnya beralih ke fasa ke-2 Pelan Pemulih Negara (PPN) dibenarkan menjalankan aktiviti baru di bawah Sektor Perdagangan Pengedaran. Aktiviti yang dibenarkan beroperasi semasa fasa ke-2 PPN adalah seperti berikut :

- Kedai buku dan alet tulis;
- Komputer dan telekomunikasi;
- Barangan elektrik;
- Kedai gunting rambut (perkhidmatan gunting rambut asas sahaja);
- Salun kecantikan (perkhidmatan gunting rambut asas sahaja); dan
- Kedai cuci kereta.

KPDNHEP terus komited menggerakkan seramai 2,262 orang Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP di seluruh negara bagi menguatkuasakan pematuhan SOP PKP di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342)

Kendiri COVID-19 dan akan mencari inisiatif dengan memberikan subsidi untuk membantu golongan B40 terutamanya bagi memudahkan mereka mendapatkan kit kendiri itu.

KPDNHEP sedang menjalankan kajian kos dan harga serta bekalan alat ujian kendiri COVID-19 terhadap enam (6) syarikat yang telah dilesenkan meliputi setiap rantaian pengedaran, pembekalan sehingga di peringkat runcit seperti farmasi dan klinik. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan harga runcit alat ujian kendiri COVID-19 pada harga yang bersesuaian supaya tidak membebangkan pengguna.

Kit ujian kendiri COVID-19 yang mula dijual di pasaran sejak Julai lalu telah diperakui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) setelah mendapat perakuan dari Pihak Berkusa Peranti Perubatan (MDA). Ia digunakan sebagai ujian saringan yang dilakukan sendiri oleh individu. Kit ujian ini merupakan langkah pertama dan murah untuk mengesan status COVID-19 individu

laris bak jualan jualan 'pisang goreng panas' dan sering kehabisan stok. Lebih memburukkan keadaan apabila terdapat individu tak bertanggungjawab mengambil kesempatan di saat memerlukannya dengan menjual pada harga yang lebih tinggi dari harga pasaran.

Keputusan ujian baik positif atau negatif haruslah dikemas kini dalam aplikasi MySejahtera. Walaupun pengguna kit ini wajib bertanggungjawab melaporkan keputusan sebenar, ia tidak menghalang mereka berbuat sebaliknya. Ada risiko kemungkinan pengguna cuba menyembunyikan keputusan positif dengan tidak melakukan kuarantin kendiri, khususnya yang tiada gejala dan membahayakan orang lain. Justeru itu, kejujuran rakyat amatlah diperlukan di dalam mengawal penyebaran virus ini. Sekiranya didapati positif setelah ujian kendiri test kit Covid-19 dilakukan, sila kuarantinkan diri anda! Kejujuran anda boleh menyelamatkan nyawa orang lain.

serta penguatkuasaan OPS PATUH di seluruh negara terhadap aktiviti baharu seperti atas dan aktiviti yang telah dibenarkan beroperasi di bawah Sektor Perdagangan Pengedaran sebelumnya iaitu :

- i. Kompleks membeli belah TERMASUK pasar raya, pasar raya besar dan departmental stores dan semua perkhidmatan perlu yang disenaraikan;
- ii. Pasar raya, pasar raya besar dan departmental stores;
- iii. Kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka dan mini mart;
- iv. Restoran;
- v. Dobi (termasuk layan diri);
- vi. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan;
- vii. Kedai cermin mata dan barang optik;
- viii. Kedai hardware;
- ix. E-dagang (semua kategori produk);
- x. Pemberongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja)
- xi. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti; dan
- xii. Other Specialty Retail Stores (stesen minyak)

Sejak pelaksanaan penguatkuasaan pematuhan SOP PKP Akta 342 digerakkan pada **13 Mei 2020 sehingga 6 Julai 2021**, sejumlah **634,350** premis telah diperiksa dan daripadanya sejumlah **714 kes/kompaun** telah dikenakan ke atas pesalah yang tidak mematuhi SOP yang ditetapkan dengan nilai kompaun sejumlah **RM4,067,000.00**.



## KPDNHEP GALAK PENIAGA JUAL MINYAK MASAK SAWIT TULEN DIBUNGKUS BOTOL PADA HARGA LEBIH RENDAH

**P**UTRAJAYA, Ogos 2021 –Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggalakkan peniaga menjual minyak masak sawit tulen botol pada harga lebih rendah daripada harga maksimum ditetapkan.

Timbalan Pengarah Penguatkuasa (Operasi) Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP Shamsul Nizam Khalil memaklumkan harga runcit maksimum bagi minyak masak tulen dibungkus dalam botol satu kilogram (kg), dua kg, tiga kg dan lima kg sudah diukur kuasa di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) 2021 bermula 1 Ogos lalu.

Harga runcit maksimum bagi minyak masak tulen dibungkus botol ditetapkan adalah pada RM6.70 (1 kg), RM12.70 (2 kg), RM18.70 (3 kg) dan RM29.70 (5 kg).

KPDNHEP tidak menghalang mana-mana peniaga untuk menjual pada harga lebih rendah daripada harga ditetapkan sepanjang pelaksanaan penguatkuasaan harga maksimum runcit minyak masak sawit tulen botol.

Hasil pemeriksaan dan pemantauan pada 1 hingga 18 Ogos di 8,885 premis runcit seluruh negara mendapat 7,779 premis patut menjual minyak masak tulen botol pada harga maksimum ditetapkan manakala 1,082 premis menjual pada harga lebih rendah dan 24 premis dikenakan kompaun atas kesalahan menjual melebihi harga maksimum.

Penguatkuasaan harga runcit maksimum dilaksanakan sebagai komitmen kerajaan supaya rakyat dapat menikmati minyak masak sawit tulen botol pada harga subsidi seterusnya meringankan beban kos sara hidup susulan peningkatan harga minyak sawit mentah sepanjang tahun ini.

Berdasarkan statistik tersebut, pematuhan dalam Sektor Perdagangan Pengedaran boleh dikatakan berada pada tahap yang **baik** di mana **98.56%** premis patuh kepada SOP ditetapkan, manakala 0.10% premis sahaja yang dikenakan kompaun dan selebihnya iaitu 1.23% premis diberi nasihat dan amaran.

Angka ini termasuk **58 kes kompaun** yang dihasilkan daripada **9,805 pemeriksaan** yang dijalankan di bawah OPS PATUH yang bermula sejak **2 sehingga 6 Julai 2021** di seluruh Negara yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Pada masa sama, sebanyak **209 aduan** diterima daripada orang awam mulai **1 Jun sehingga 6 Julai 2021** dan kesemuanya telah disiasat sepanjang tempoh PKP 3.0.

JULAI & OGOS 2021

**K • A • P • S • U • L**  
**P E N G G U N A**

**DITERBITKAN OLEH**



## Unit Komunikasi Korporat



@kpdnhep



KPDNHEP TV

2021@ YT, AT, AZ